

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PROSEDUR KONTRAK DAN TAKSIRAN  
KOD KURSUS : BNP 20602  
PROGRAM : 2 BNB  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2014  
MASA : 2 1/2 JAM  
ARAHAN : JAWAB SOALAN SATU (1) DI BAHAGIAN A DAN TIGA (3) SOALAN DI BAHAGIAN B

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI ENAM (6) MUKA SURAT

**SULIT**

**BAHAGIAN A**

**S1** Berdasarkan kepada Rajah S1(a) dan S1(b), ukur kuantiti bagi perkara berikut:-

- a) Isipadu konkrit untuk asas pad, tunggul tiang dan rasuk tanah. (5 markah)
- b) Acuan untuk asas pad, tunggul tiang dan rasuk tanah. (5 markah)
- c) Tetulang utama di dalam asas pad, tunggul tiang dan rasuk tanah (dalam unit kilogram) (8 markah)
- d) Pengikat tetulang utama di dalam tunggul dan rasuk tanah (dalam unit kilogram) (7 markah)

**BAHAGIAN B**

- S2** a) Penerimaan merupakan salah satu elemen asas yang perlu bagi mewujudkan kontrak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang. Bincangkan **Dua (2)** prinsip elemen tersebut berserta dengan contoh. (5 markah)
- b) Pada pendapat anda, terangkan dengan lebih jelas **Tiga (3)** kelebihan mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang kontrak dan **Tiga (3)** keburukan jika tidak mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang kontrak. Berikan contoh bagi setiap penjelasan. (15 markah)
- c) Setelah anda mendapat Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) anda bercadang untuk menubuhkan syarikat pembinaan sendiri. Bincangkan prosedur dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk mendaftar sebagai kontraktor dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). (5 markah)

- S3** (a) Adun Batu Pahat mencadangkan supaya sebuah Penjara dibina di kawasan Sri Gading bagi membantu menampung bilangan banduan di Penjara Kluang. Bincangkan jenis tender yang sesuai untuk projek ini. (5 markah)
- b) Syarikat Lisa Bina telah berjaya memperolehi Projek Pembinaan Sebuah Masjid di Sri Medan dengan kos projek bernilai RM 5,908,000.00 dalam tempoh 12 bulan. Bincangkan **Lima (5)** faktor yang mendorong pihak pelanggan memilih Syarikat ini untuk melaksanakan projek pembinaan Masjid tersebut. (10 markah)
- c) Jelaskan berkaitan perkara-perkara berikut:-  
i) Dokumen Meja Tawaran  
ii) Spesifikasi.  
iii) Lukisan.  
iv) Syarat-syarat Kontrak JKR 203A.  
v) Jadual Kadar Harga. (10 markah)
- S4** (a) Pegawai Penguasa (P.P) merupakan individu yang penting dalam sesuatu projek pembinaan. Bincangkan tanggungjawab P.P sebagaimana dinyatakan di dalam Syarat-syarat Kontrak JKR 203A. (5 markah)
- (b) Pada 30 April 2014, satu kemalangan telah berlaku sebuah ditapak bina yang melibatkan kerosakan bangunan, kehilangan nyawa dan kecederaan kepada pekerja dan orang awam. Jelaskan jenis-jenis insuran yang boleh dituntut di dalam kemalangan ini. (10 markah)
- (c) Pembinaan Syahril telah memulakan projek membina sebuah jambatan di Sri Gading pada 16 Oktober 2013. Tempoh kontrak adalah 12 bulan. Walaubagaimanapun, Pembinaan Syahril telah gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang diberi. Anda sebagai seorang Jurutera Projek dari Syarikat ini diminta untuk memberikan **Lima (5)** alasan yang dapat digunakan untuk permohonan Lanjutan Masa bagi projek ini. (5 markah)

REKORAH BINAAN BILIT A BAHARU  
REKORAH BINAAN BILIT A BAHARU  
REKORAH BINAAN BILIT A BAHARU  
REKORAH BINAAN BILIT A BAHARU  
REKORAH BINAAN BILIT A BAHARU

- (d) Jelaskan berkaitan perkara-perkara berikut:-
- i) Bon Perlaksanaan.
  - ii) Bayaran Interim (*Interim Payment*).
  - iii) Arahan Perubahan Kerja (*Variation Order*).
  - iv) Wang Peruntukan Sementara (*Provisional Sum*).
  - v) Sub-kontraktor Dinamakan (*Nominated Sub-Contractor*).
- (5 markah)
- S5 (a) Jelaskan **Lima (5)** faktor yang perlu diambil kira di dalam membuat anggaran permulaan sesuatu projek.
- (10 markah)
- b) Jelaskan dengan menggunakan gambarajah mengenai Kontrak Reka dan Bina
- (10 markah)
- c) Bincangkan keburukan kontrak jenis Kos Pembayaran Ganti dengan kaedah Wang Kos Prima dan Peratus Yuran.
- (5 markah)

**-SOALAN TAMAT-**



**FINAL EXAMINATION**


SEMESTER : SEM II 2013/2014

PROGRAM : 2 BNB

KURSUS : PROSEDUR KONTRAK DAN TAKSIRAN

KOD KURSUS : BNP 20602

PAD FOOTING MARK	PAD FOOTING DIMENSIONS			REINFORCEMENT		
	B, mm	L, mm	H, mm	XDirBar	YDirBar	TIES
F1	1350	1350	250	T12-150	T12-150	-

**PAD FOUNDATION REINFORCEMENT SCHEDULE****CONVERSION TABLE FOR ROUND BAR (BS 4449:1997)**

Nominal Size (mm)	Cross Sectional Area (mm <sup>2</sup> )	Mass Per Meter Run (kg)
06	28.3	0.222
08	50.3	0.395
10	78.5	0.616
12	113.1	0.888
16	201.1	1.579
20	314.2	2.466
25	490.9	3.854
32	804.2	6.313

Notes : All pad foundation, stump & ground beam – similar concrete cover (50mm)

**RAJAH S1(a)**


**FINAL EXAMINATION**

SEMESTER : SEM II 2013/2014


PROGRAM : 2 BNB

KURSUS : PROSEDUR KONTRAK DAN TAKSIRAN

KOD KURSUS : BNP 20602



GROUND FLOOR PLAN



RAJAH S1(b)

Handwritten notes and stamps at the bottom left of the page.